

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN :LISAN**

**DARIPADA :PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL**

**[ SEKIJANG ]**

**TARIKH :20 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 15**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan langkah-langkah holistik Kementerian bagi membantu dan membuka peluang kepada usahawan untuk meningkatkan pendapatan serta meningkatkan daya saing usahawan di mana pada waktu ini tidak ada lagi pemberian geran percuma.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

- 1) Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah merancang dan melaksanakan pelbagai langkah yang bertujuan untuk memudahkan dan membantu usahawan bagi membolehkan mereka meningkatkan pendapatan, keupayaan serta daya saing dalam bidang keusahawanan walaupun tanpa pembiayaan geran sepenuhnya daripada Kerajaan. Langkah-langkah ini dilaksanakan oleh MED melalui agensi-agensi di bawahnya, di antaranya seperti berikut:
  - (i) menggalakkan dan memperkuatkan penglibatan usahawan dalam inisiatif e-dagang (*e-commerce*) dan perniagaan atas talian (*online business*);
  - (ii) memupuk budaya keusahawanan melalui pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan yang mantap bagi menghasilkan usahawan yang kreatif dan inovatif serta berani mengambil risiko dan meneroka peluang demi memajukan diri sebagaimana digariskan di bawah Teras Strategik 1 DKN2030;
  - (iii) melaksanakan program-program latihan meliputi kursus latihan teknikal keusahawanan jangka pendek berbentuk *outcome-based* seperti penghasilan iklan video dan gambar bagi pemasaran menggunakan media sosial serta program berbentuk *coaching/mentoring* selama 4 bulan dengan sasaran untuk meningkatkan jualan sebanyak 20% selepas tamat program, iaitu INSKEN *Business Coaching* bagi *retail, food truck, cafe restaurant, bakery, spa, wedding planner, postnatal care, homestay, ecotourism, tailoring, carwash, car workshop* dan *barbershop*; dan
  - (iv) melaksanakan program-program penyediaan minda (*mindset*) keusahawanan oleh *Malaysian Global Innovation &*

*Creativity Centre (MaGIC)* bagi meningkatkan daya saing dan mengurangkan risiko kegagalan golongan usahawan belia dan *startups* seperti *Design Thinking*, *Service Design*, *Business Model Canvas* dan *Innovation Catalyst*.

- 2) Walau bagaimanapun, bagi membantu dan membuka peluang kepada usahawan untuk meningkatkan pendapatan serta meningkatkan daya saing usahawan juga, MED masih menyediakan program yang menawarkan bantuan dalam bentuk geran padanan (*matching grant*) yang dilaksanakan melalui SME Corporation, seperti berikut:
- (i) Program Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan PKS melalui *Business Accelerator Programme* - BAP yang menyediakan bantuan bersepadu dalam bentuk *matching grant* dan juga skim pinjaman mudah bagi membantu PKS meraih peluang pertumbuhan perniagaan baharu;
  - (ii) Program Peningkatan Perusahaan Bumiputera (*Bumiputera Enterprise Enhancement Programme* - BEEP) yang menyediakan bantuan bersepadu meliputi khidmat nasihat, bantuan teknikal, latihan dan sokongan kewangan; dan
  - (iii) Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) yang menyediakan bantuan bersepadu untuk meningkatkan potensi pasaran eksport PKS dan menambah bilangan PKS Bumiputera yang menembusi pasaran antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

\*\*\*\*\*